

Sukan

TEMASYA SUKAN PANTAI ASIA KE-5

S'pura menang tiga pingat melalui silat artistik

▶ ANWAR YAHYA
anwar@sph.com.sg

CUACA yang panas terik tidak menjejaskan semangat juang peserta negara yang menamatkan acara artistik silat di temasya Sukan Pantai Asia Kelima yang kini berlangsung di Danang, Vietnam, dengan sebutir emas, sebutir perak dan sebutir gangsa.

Persiapan yang dijalankan di bawah sinar terik mentari sejak beberapa bulan lalu membawa gajaran kepada srikandi negara, Nurul Khairunnisa Azlani, yang merangkul emas bagi acara artistik perseorangan wanita.

Pesilat itu mencatatkan 462 mata bagi mengatasi peserta popular tuan rumah, Nguyen Thi Thuy,

yang terpaksa berpuas hati dengan perak selepas mengumpulkan 454 mata. Pesilat Malaysia, Nur Atikah Alias, menang gangsa dengan mencatatkan 445 mata.

Kini menjalani Perkhidmatan Negara (NS), Muhammad Iqbal Abdul Rahman pula membuktikan beliau masih mampu beraksi dengan baik apabila memenangi gangsa bagi acara artistik perseorangan lelaki.

Iqbal mencatatkan 460 mata – tidak jauh daripada 463 mata yang dicatatkan pemenang perak dari Indonesia, Dino Bima Sulistianto, dan juara kategori itu dari Thailand, Ilyas Sadara, yang meraih 467 mata.

Pingat perak negara pula dimenangi tiga serangkai – Nurzianah Mohd Yazid, Nurhanishah

Shahrudin dan Nur Azlyana Ismail – melalui acara artistik berpasukan wanita.

Mereka mencatatkan 457 mata – hanya 10 mata di belakang pemegang emas, Vietnam, dengan gangsa menjadi milik Thailand.

Empat lagi pesilat negara – termasuk juara dunia Sheik Farhan Sheik Alau'ddin – dijangka turun beraksi dalam kategori tanding yang bermula semalam.

Dirasmikan hujung minggu lalu, temasya Sukan Pantai Asia kali ini menampilkan 22 cabang sukan yang menawarkan 165 pingat emas.

Upacara penutup temasya dijadualkan pada Isnin ini.

Diiktiraf Majlis Olimpik Asia (OCA), temasya Sukan Pantai Asia pertama diadakan di Bali, Indonesia, pada 2008.



PULANG DENGAN EMAS: Srikandi negara, Nurul Khairunnisa Azlani, menunjukkan kecemerlangan dengan merangkul pingat emas bagi acara artistik perseorangan wanita. – Foto PERSATUAN SILAT SINGAPURA